

# Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**  
sembangict@yahoo.com

## Tambah baik telefon pintar android

**S**AYA menggunakan telefon pintar yang berasaskan sistem Android. Adakah cara untuk menambah baik pada sistem Android agar dapat mencapai internet dengan baik menerusi talian mudah alih?

- **DOLLAH, Manjung.**

Pertamanya, pastikan telefon pintar yang dibeli menyokong sistem rangkaian mudah alih berasaskan teknologi 4G. Sekiranya tidak, telefon pintar tersebut adalah mustahil untuk mencapai internet dengan teknologi 4G.

Seterusnya, ada beberapa konfigurasi yang boleh dilihat dan dicuba terdapat dalam sistem Android bagi membolehkan capaian internet menerusi talian mudah alih menjadi lebih baik. Jadi, ikuti beberapa cara tersebut yang akan dibincangkan.

- Setkan kosong pada storan *Cache* yang terdapat pada aplikasi komputer. Pengguna mana-mana aplikasi komputer akan disimpan dalam satu fail *Cache* yang bersaiz kecil. Caranya ialah pergi ke menu *Setting > Applications* dan pilih mana-mana aplikasi yang selalu digunakan. Seterusnya pergi ke *Clear Data > Cache* dan klik butang *Clear Cache*. Ulang langkah-langkah tersebut untuk mana-mana aplikasi yang lain.

- Semak konfigurasi rangkaian mudah alih pada telefon pintar. Sepatutnya ia disetkan secara automatik dengan pilihan GSM/WCDMA/LTE auto. Protokol LTE digunakan untuk teknologi 4G dan protokol WCDMA digunakan untuk teknologi 3G. Boleh cuba mematikan dan menghidupkan semula butang pilihan ini untuk dapatkan semula tetapan yang betul.

- Buang mana-mana aplikasi yang tidak digunakan dalam telefon pintar kerana ia menyebabkan ruang storan dan memori menjadi penuh dan sesak. Jadi untuk membuang mana-mana aplikasi yang tidak diperlukan, pergi ke menu *Setting > App Manager* dan pergi ke aplikasi tersebut. Seterusnya tekan butang pilihan *Uninstall App*. Jadi terdapat aplikasi yang tidak boleh dibuang kerana ia dibina secara dalaman oleh pihak Google atau pengeluar telefon pintar tersebut.

- Bersihkan ruang storan telefon pintar dengan membuang mana-mana fail yang tidak penting seperti foto, muzik dan video yang hanya untuk tatapan sementara sahaja.

Dengan 4 langkah yang diberikan dapat membantu mengurangkan beban proses kepada pelayar web yang digunakan untuk capai internet. Seterusnya talian internet dapat dicapai dengan lebih baik, lebih laju dan tanpa ada masalah.